

23 JUL 1999

Mahathir-Sultan

SULTAN MINTA KERJASAMA KERAJAAN PUSAT BANGUNKAN KELANTAN

KOTA BAHARU, 23 Julai (Bernama) -- Sultan Kelantan telah meminta kerjasama daripada kerajaan pusat untuk membantu mengatasi beberapa kelemahan yang terdapat di negeri ini khususnya berhubung masalah pembangunan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed hari ini berkata Sultan menyampaikan permintaan itu kepada beliau semasa beliau memenuhi undangan menghadap dan menghadiri majlis santapan tengah hari di Istana Negeri, semalam sempena lawatan kerjanya selama dua hari ke negeri ini.

"Saya sempat berbincang mengenai masalah pentadbiran, kemajuan Kelantan dan masalah jalan raya Pantai Timur ini, dan juga pembangunan termasuk masalah kemiskinan, PPRT (Program Pembangunan Rakyat Termiskin) dan apa yang boleh dibuat oleh kerajaan pusat.

"Dan saya berpendapat tuanku memang prihatin terhadap masalah kemajuan di Kelantan dan tuanku berharap kerajaan pusat boleh menolong untuk mengatasi masalah dan kelemahan yang terdapat di Kelantan," katanya pada sidang berita bagi mengakhiri lawatannya ke Kelantan.

Terdahulu, dalam jadual terakhir lawatan itu, Perdana Menteri menghadiri perjumpaan khas dengan Jawatankuasa Perhubungan Umno Kelantan di sini.

Dr Mahathir berkata Sultan Kelantan turut berpendapat bahawa masalah di Kelantan berpunca daripada kekurangan peruntukan.

Baginda turut memberi beberapa saranan mengenai bentuk bantuan yang boleh diberikan oleh kerajaan pusat, kata beliau.

"Tuanku amat mengambil berat mengenai pembangunan di Kelantan," kata Perdana Menteri.

Antara yang turut hadir pada sidang berita itu ialah Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob dan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa, selaku Pengerusi Barisan Nasional Kelantan.

-- BERNAMA

RAR NMO